

Jangan tunduk 'batu api' politik gugat keharmonian antara agama

● Amat mendukacitakan apabila keharmonian dan semangat patriotisme pada Bulan Kemerdekaan kali ini dicemari polemik sempit sesetengah pihak

● Mereka yang meniupkan api perkauman terhadap tindakan pentadbiran awam wajar disiasat dan dikenakan tindakan perundangan keras supaya jadi pengajaran kepada pihak lain

Oleh **Dr Mohamed Rashid Ab Razak**
bhrencana@bh.com.my

Ogos sentiasa menjanjikan konotasi mendalam dan penuh emosi kepada seluruh rakyat kerana ia bukan mengibarkan Jalur Gemilang di perkaraungan rumah atau bangunan pejabat, tetapi ia bulan mengenang kembali jerih perih pejuang kemerdekaan membina sebuah negara bangsa.

Kemerdekaan ini dibina menerusi toleransi, persefahaman dan paling utama, penghormatan kepada kontrak sosial serta undang-undang mengikat rakyat sebagai sebuah masyarakat majmuk.

Namun, amat mendukacitakan apabila keharmonian dan semangat patriotisme pada Bulan Kemerdekaan kali

ini dicemari polemik sempit sesetengah pihak.

Sebagai contoh, rentetan tindakan penguatkuasaan Majlis Perbandaran Kangar (MPK) merobohkan struktur binaan haram baru-baru ini, masyarakat tiba-tiba diserang dengan pelbagai naratif berbau perkauman dan keagamaan sangat toksik.

Struktur di Bukit Lagi, Kangar itu dibina secara haram di atas tanah milik kerajaan negeri. Ia didirikan tanpa sebarang permohonan, apatah lagi kelulusan sah daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) atau Pejabat Tanah dan Galian.

Tindakan perobohan oleh MPK baru-baru ini bukan dilakukan secara melulu. Sebaliknya Kerajaan negeri dan PBT mengikut prosedur operasi standard (SOP) amat ketat dan telus.

Notis amaran dan pengosongan dikeluarkan lebih awal. Sesi libat urus dan perbincangan diadakan dengan jawatankuasa rumah ibadat terbabit, turut dinasihatkan mencari lokasi alternatif sah, selamat, dan bersesuaian.

Apabila semua saluran perbincangan dan tempoh masa diberikan tamat tanpa sebarang tindakan pematuan, maka undang-undang perlu mengambil tempatnya.

Malangnya, penguatkuasaan lurus dan tugas hakiki PBT ini diputarbelitkan segelintir ahli politik sebagai satu bentuk penindasan agama.

Sesuatu yang sangat ironis, mendukacitakan dan boleh disifatkan sebagai biadab apabila seorang pemimpin politik bergelar ahli Parlimen, secara terbuka mengecam kerajaan negeri Perlis.

Sebagai individu dipilih rakyat dan mengangkat sumpah di Dewan Rakyat untuk memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan, tugas seorang ahli Parlimen adalah mendaftarkan undang-undang.

Bagaimana mungkin seorang penggubal undang-undang pada peringkat persekutuan bertindak mempertahankan perbuatan mencerooboh tanah kerajaan dan

“Apabila semua saluran perbincangan dan tempoh masa diberikan tamat tanpa sebarang tindakan pematuan, maka undang-undang perlu mengambil tempatnya”

menyokong pembinaan struktur tanpa izin.

Tindakan menggunakan tiket simpati agama dan kaum untuk menghalalkan cara adalah taktik politik murahan sangat berbahaya. Apabila pemimpin atasan menghantar mesej 'undang-undang boleh dilanggar jika anda bernaung di bawah payung agama', ia memberi isyarat salah kepada masyarakat awam.

PBT tak wajar jadi kebencian politik

PBT dan penjawat awam yang sekadar menjalankan tugas mereka mengikut buku peraturan tidak wajar dijadikan mangsa buli siber atau sasaran kebencian politik kerana ahli Parlimen terbabit mahu meraih populariti penyokongnya.

Hakikatnya, undang-undang perbandaran dan perancangan guna tanah terpakai kepada semua rakyat tanpa mengira warna kulit mahupun anutan agama. Ketegasan memelihara tanah awam daripada dicerooboh adalah amalan sejagat di mana-mana negara bertamadun di dunia.

Jika meneliti kerangka perundangan antarabangsa, tindakan MPK selari dengan amalan global.

Di Singapura, Pihak Berkuasa Tanah Singapura (SLA) mempunyai rekod sangat konsisten merobohkan mana-mana rumah ibadat mencerooboh tanah kerajaan. Pemindahan kuil haram di jajaran Rail Corridor pada 2016 dan perobohan struktur ibadat di Science Centre Road pada 2022 membuktikan perancangan bandar adalah keutamaan.

Tindakan ini dilakukan atas dasar pengurusan guna yang efisien dan tiada pihak di Singapura berani menuduh SLA sebagai institusi rasis atau menindas agama.

Di United Kingdom (UK), mengikut kerangka Town and Country Planning Act 1990, Majlis Perbandaran di UK mempunyai kuasa mutlak mengeluarkan notis penguatkuasaan bagi meroboh mana-mana tempat ibadat dibina atau diubah suai

tanpa Kelulusan Perancangan.

Masyarakat di sana melihat pelanggaran perancangan bandar ini semata-mata sebagai isu sivil dan pentadbiran, bukan pencabulan hak asasi manusia.

Di Indonesia, negara itu menetapkan syarat amat ketat. Melalui Peraturan Bersama Menteri, setiap pembinaan rumah ibadat wajib mendapat Izin Menirikan Bangunan (IMB) berserta persetujuan penduduk setempat.

Mana-mana binaan melanggar IMB dan mencerooboh tanah negara akan dihentikan pembinaannya dan dirobohkan demi memelihara kerukunan pentadbiran negara mereka.

Perpaduan dalam sebuah negara majmuk seperti Malaysia ibarat kaca, ia cantik bersinar tetapi sangat rapuh jika dihempas dengan batu-batu kebencian. Perpaduan tidak boleh dibina di atas retorik kosong atau toleransi membuta tuli terhadap pelanggaran undang-undang. Sudah tiba masanya pihak berkuasa berhenti melayan kerenah pemimpin politik bertindak sebagai 'batu api'.

Mereka yang meniupkan api perkauman terhadap tindakan pentadbiran awam wajar disiasat dan dikenakan tindakan perundangan keras supaya menjadi pengajaran kepada pihak lain:

Terdapat beberapa akta bersesuaian untuk mengekang fenomena 'batu api keagamaan' ini antaranya Akta Hasutan 1948 (Akta 15).

Mana-mana pemimpin memanipulasi isu penguatkuasaan PBT ini untuk mengembangkan perasaan niat jahat, permusuhan dan kebencian antara kaum perlu disiasat mengikut akta ini.

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 menerusi Seksyen 233 juga sangat relevan digunakan ke atas mereka menggunakan platform media sosial untuk menyebarkan tuduhan provokatif palsu seperti menuduh kerajaan negeri bersikap rasis tanpa bukti.

Seterusnya, tindakan boleh diambil mengikut Seksyen 505 Kanun Keseksaan (Akta 574) terhadap pihak mendatangkan kegenteran awam atau Seksyen 298A untuk disiasat mengeluarkan kenyataan memecahbelahkan keharmonian antara agama.

Selain itu, tindakan turut boleh dibuat menerusi Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Parlimen. Ini kerana imuniti ahli Parlimen tidak sama sekali melindungi wakil rakyat melanggar Akta Hasutan.

Mereka wajar dirujuk kepada jawatankuasa ini atas kesalahan serius menjatuhkan maruah dan integriti sistem perundangan negara.

Justeru, kerajaan, polis dan PBT tidak boleh tunduk atau berundur kepada tekanan 'batu api' politik. Kedaulatan undang-undang mesti dijunjung dan dipertahankan sepenuhnya demi kelangsungan, keamanan dan kemaslahatan rakyat.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH